

## 2. Lengkapi ayat dengan menggunakan kata hubung yang betul.

dan    yang    semasa    apabila    kerana    bahawa    supaya    jika    ketika

1. Terowong SMART merupakan terowong lencongan air terpanjang di Asia Tenggara \_\_\_\_\_ kedua terpanjang di Asia (9.7 kilometer).
2. \_\_\_\_\_ berlaku banjir, terowong ini dapat memesongkan aliran air banjir daripada memasuki kawasan bandar.
3. Terowong SMART amat penting \_\_\_\_\_ dapat mengelakkan kejadian banjir di ibu kota.
4. Terowong SMART dibina \_\_\_\_\_ masalah banjir dan masalah kesesakan jalan raya dapat diatasi.
5. \_\_\_\_\_ berlaku banjir, terowong SMART dapat digunakan untuk mengalirkan air ke kawasan takungan.
6. \_\_\_\_\_ berlaku banjir, terowong SMART akan berfungsi untuk mengalirkan aliran banjir.
7. Warga kota mendapati \_\_\_\_\_ terowong SMART banyak membawa kebaikan kepada pengguna.
8. \_\_\_\_\_ berlaku banjir, terowong ini digunakan untuk memesongkan air.
9. Terowong air \_\_\_\_\_ yang terpanjang di Asia Tenggara ini telah menerima anugerah antarabangsa British Construction Industry Awards (BCIA) pada tahun 2008.